

11/03/2003

SMS gagal hasut warga Singapura pulau Malaysia

Othman Mamat

KHABARNYA, beberapa hari menjelang 1 Mac lalu, segelintir warga Singapura dikatakan sibuk mengirim pesanan melalui telefon bimbit kepada seberapa ramai rakyat senegara bagi melarang mereka menyeberangi Tambak Johor pada tarikh itu.

Pesanan berbau hasutan itu dikatakan dihantar golongan yang tebal dengan sikap `kiasu', menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) menerusi telefon bimbit masing-masing.

Mereka meminta warga Singapura memulau Malaysia, khususnya Johor, selama sehari iaitu pada 1 Mac. Ia sebagai tindakan balas dendam terhadap kenyataan pemimpin negara ini yang dianggap gemar menyindir dan memperlekehkan penghuni Kota Singa.

Dengan cara itu, mereka berharap dapat memberi pengajaran pahit kepada kerajaan dan rakyat Malaysia, terutama terhadap peniaga dan pengusaha pelbagai kegiatan berkaitan industri pelancongan di negara ini.

Tindakan membalas dendam itu dipercayai mempunyai kaitan dengan kenyataan Perdana Menteri yang secara berseloroh mengucapkan selamat kepada rakyat Singapura sempena menyambut Hari Memperingati Kekasih pada 14 Februari lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucapan itu dengan nada bersahaja ketika berucap pada majlis perhimpunan mesra bersama rakyat sempena perasmian projek Gerbang Selatan Bersepadu di Bukit Chagar, Johor Bahru, pada 14 Februari.

Antara lain, Dr Mahathir menyebut: "Kita nak orang Singapura datang ke sini. Kita terima kasihlah kerana dia (orang Singapura) kaya, kita (orang Malaysia) miskin, jadi dia datang sini, dia belanja wang, bolehlah kita tumpang-tumpang sikit. Tak apa, kita tidak marah kepada orang Singapura.

"Welcome Singaporean, we love you, on Valentine's Day, we love you, please come, please come."

Perdana Menteri berkata, rakyat dan kerajaan Malaysia tidak marah atau berkecil hati jika orang Singapura datang ke Johor atau negeri lain di Malaysia untuk menikmati makanan dan berbelanja.

Malah, sekali lagi secara berseloroh Dr Mahathir berkata: "Makanlah banyak-banyak, (apabila) balik ke sana (Singapura), simpan (buang air) di sana, pasal di sana ada keperluan, tak payah simpan di sini."

Bagaimanapun, selepas menyedari ucapannya mungkin disalahtafsirkan oleh rakyat Singapura, Dr Mahathir berkata, beliau hanya melawak atau berseloroh dengan menyatakan demikian, tetapi hakikatnya, rakyat Malaysia mahu penduduk di seberang Tambak Johor sentiasa melawat negara ini.

"Kita memang nak mereka datang. Saya melawak saja, berseloroh saja (apabila menyebut orang Singapura boleh datang makan di sini, dan pulang ke Singapura untuk membuang air besar).

"Jadi, kalau jumpa orang Singapura, katakan kat dia, jangan berasa hati dengan apa yang dia (Dr Mahathir) katakan ini. Kita ajak dengan good heart, very good heart (dengan hati yang ikhlas, tulus ikhlas),"katanya.

Senda gurau Dr Mahathir itu ternyata disalahtafsirkan oleh segelintir rakyat Singapura apabila mereka menganggapnya sebagai sindiran yang menyakitkan hati.

Lantaran, mereka cuba bertindak balas dengan menghasut seluruh rakyat republik itu supaya memulau Malaysia, khususnya Johor dengan tidak mengunjungi negara ini pada Sabtu, 1 Mac.

Pesanan ringkas itu dihantar secara rambang kepada semua pemilik telefon bimbit di negara pulau itu, tanpa mengira kaum, pegangan agama dan latar belakang kehidupan.

Namun, hasutan itu ternyata gagal mempengaruhi seluruh warga Singapura, malah kebanyakan rakyat republik itu yang berfikiran rasional, mengabaikan sama sekali pesanan ringkas berkenaan.

Mereka tidak menganggap gurauan Dr Mahathir itu sebagai isu besar yang mesti disimpan dalam hati dan diluahkan dengan cara memulau negara jiran ini, demi untuk membalas dendam.

Ini terbukti apabila berpuluh-puluh ribu warga Singapura berduyun-duyun menyeberangi Tambak Johor pada pagi 1 Mac atau malam menjelang tarikh berkenaan.

Daripada senario itu, ternyata bukan semua warga Singapura mewarisi sikap `kiasu' atau enggan mengaku kalah, malah mereka yang berfikiran rasional sebenarnya lebih mengutamakan semangat kejiranan dan pertalian erat di antara kedua-dua negara tetangga yang terjalin sejak sekian lama.